



ABDULLAH Ahmad Badawi diapit oleh Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah bersama para pemimpin ASEAN yang lain pada sesi bergambar sempena Sidang Kemuncak ASEAN-PBB Ke-2 di Ibu Pejabat PBB, New York, kelmarin.

Hanya profesional dilantik terajui syarikat milik kerajaan

Daripada ZAINI HASSAN

NEW YORK 14 Sept. - Kerajaan akan memastikan tidak ada orang berkepentingan politik, atau orang politik atau yang mempunyai unsur-unsur membawa kepada konflik kepentingan diri menerajui syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) atau yang berkaitan dengannya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bercakap di hadapan pengurus-pengurus dana di Kembara Global Malaysia di sini semalam, beliau berkata, kerajaan akan melantik ketua-ketua pegawai eksekutif (CEO) di kalangan calon yang benar-benar layak dan profesional untuk menerajui syarikat-syarikat tersebut.

"Kita akan pastikan calon itu tidak mempunyai unsur-unsur kenal siapa, tetapi kepakaran yang ada padanya.

"Jika ada unsur-unsur berkepentingan sendiri atau mempunyai konflik kepentingan diri, kita akan ketepikan mereka.

"Mungkin ada seorang dua orang politik menerajui, kita akan pastikan mereka juga tidak mempunyai apa-apa kepentingan diri," katanya menjawab soalan salah seorang daripada 30 pengurus dana yang bertanya mengenai apakah wujud

unsur-unsur tersebut dalam proses penyusunan semula syarikat-syarikat kerajaan itu.

Kembara anjuran firma pengurusan kewangan Merrill Lynch dan ECM Libra itu diadakan sebagai langkah agresif menjual potensi Malaysia sebagai pusat perdagangan unggul di rantau Asia Tenggara.

Sebelum di sini, Kembara yang sama diadakan di London kelmarin.

Turut hadir dalam Kembara itu ialah kapten-kapten syarikat utama negara iaitu Datuk Azman Mokhtar (Khazanah Nasional Bhd), Tan Sri Francis Yeoh (YTL Corporation Bhd), Ralph Marshall (Usaha Tegas Sdn. Bhd.), Datuk Ahmad Zubir (Sime Darby Bhd), Tan Sri KT Lim (Genting Bhd.), Datuk Nazir Razak (CIMB Bhd), Datuk Tony Fernandes (AirAsia Bhd.), George Ratilal (Petronas) dan Khairy Jamaluddin (ECMLibra).

Menurut Abdullah lagi, pelantikan CEO yang baik adalah amat penting untuk menjamin kemajuan syarikat berkenaan.

"Kami akan melihat kepada asas calon tersebut iaitu kelayakan dan kelayakan itu haruslah yang terbaik dan bukan hanya semata-mata kenal dengan orang politik," jelas beliau.

Abdullah semasa menyampaikan uca-

pan di hadapan pengurus-pengurus dana itu menjelaskan mengenai langkah kerajaannya untuk membawa GLC sebagai organisasi yang berkeupayaan tinggi.

Katanya, inisiatif itu telah diambil dua tahun lalu, yang antaranya meletakkan petunjuk keupayaan itu menyaingi tanda aras antarabangsa.

Mengenai soalan sama ada benar Malaysia sudah kekeringan cerdik pandai, Abdullah berkata, pendapat itu tidak benar kerana Malaysia mempunyai ramai orang yang berkelayakan tinggi dari dalam dan luar negara.

Abdullah juga menjelaskan mengenai beberapa perkara lain iaitu mengenai penarikan terkawal tambatan ringgit, yang menurutnya Malaysia tidak berhasrat untuk menarik sepenuhnya tambatan itu dan hasil tindakan terkawal itu nilai mata wang Malaysia kini lebih stabil.

Mengenai produk perbankan Islam, beliau berkata, Malaysia mahu melihat ia menjadi pemimpin kepada industri perbankan dan insurans Islam.

Sementara itu, ketika menyampaikan ucapan di hadapan pengurus-pengurus dana itu, Abdullah menggariskan arah tuju ekonomi Malaysia.

Antaranya ialah penyusunan semula

ekonomi Malaysia secara besar-besaran telah membuatkan ia lebih kuat dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) positif sejak 1999, dengan tahun lalu mencatatkan 7.1 peratus.

Kerajaan, kata Abdullah mengambil langkah-langkah meningkatkan peranan menyokong sektor perniagaan dan menggalakkan mereka melabur serta mengkaji peraturan dan undang-undang bagi mengurangkan karenah birokrasi.

Sektor awam, katanya didesak meningkatkan kecekapan, nilai dan integriti serta menghapuskan rasuah.

Bagi membolehkan Malaysia mencapai status negara maju, kata Abdullah ia harus menjadi lebih global dan kompetitif.

"Kemajuan ekonominya harus digerakkan oleh pengetahuan dan dijana oleh inovasi. Lebih kritikal dalam merangsang persaingan ialah menggerakkan Pembangunan modal insannya," katanya.

Malaysia mesti mencari peluang pelaburan baru dan dalam konteks ini ialah industri berpotensi termasuklah pertanian dan industri berasaskan pertanian - termasuk pengeluaran produk halal, dan barangan berasaskan teknologi bio seperti barang-barang makanan dan minyak bio.

- Utusan